



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA
MINISTRY OF ENERGY AND NATURAL RESOURCES

2020



LAPORAN TAHUNAN

ANNUAL REPORT



RASIONAL MUKA DEPAN

Rationale of Cover



Aktiviti-aktiviti
Pemerkasaan
Penguatkuasaan Hutan
Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia
Forest Enforcement
Empowerment Activities
Forestry Department
Peninsular Malaysia

Pusat Pemantauan
Sumber Hutan War
Room@JPSM, Ibu
Pejabat Jabatan
Perhutanan
Semenanjung Malaysia
Forest Resource
Monitoring Center War
Room@JPSM, Forestry
Department Peninsular
Malaysia Headquarters

Semua maklumat adalah sahih pada masa cetakan.
All information are deemed correct at the time of printing.



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA
MINISTRY OF ENERGY AND NATURAL RESOURCES

Kandungan

Contents

01

PERSPEKTIF JABATAN DEPARTMENT'S PERSPECTIVES

Visi / Vision	2
Misi / Mission	2
Objektif / Objectives	3
Piagam Pelanggan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Client's Charter Forestry Department Peninsular Malaysia Headquaters</i>	4
Piagam Pelanggan Jabatan Perhutanan Negeri <i>Client's Charter State Forestry Department</i>	5

07

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN MANAGEMENT AND ADMINISTRATION

Perutusan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Message from the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia</i>	8
Fungsi Direktorat / <i>Functions of the Directorate</i>	16
Ahli-ahli Direktorat 2020 / <i>Members of the Directorate 2020</i>	17
Pengarah Bahagian/Ketua Unit di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Division Directors/Heads of Units at the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquaters</i>	18
Pengarah Perhutanan Negeri / <i>State Directors of Forestry</i>	20
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2019 / <i>Excellent Service Awards in 2019</i>	22
Anugerah Darjah Kebesaran Persekutuan dan Negeri pada tahun 2020 <i>Federal and State's Honour in 2020</i>	25
Carta Organisasi / <i>Organisation Chart</i>	26
Organisasi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Organisation of Forestry Department Peninsular Malaysia</i>	28
Ahli Majlis Bersama Jabatan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Joint Council Members Forestry Department Peninsular Malaysia Headquaters</i>	57
Petunjuk Utama 2020 / <i>Key Indicators 2020</i>	58
Peruntukan Perlembagaan, Dasar dan Undang-Undang <i>Constitutional Provisions, Policy and Legislations</i>	62
Imbasan Sepanjang Tahun 2020 / <i>Year Under Review 2020</i>	66

75

ARTIKEL ARTICLES

Artikel 1: Pemerkasaan Penguatkuasaan Hutan Berdasarkan Peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 <i>Article 1: Empowerment of Forest Enforcement Based on the Provisions of the National Forestry Act 1984</i>	76
Artikel 2: Program Malim Gunung Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Article 2: Forestry Malim Gunung Programme, Forestry Department Peninsular Malaysia</i>	83
Artikel 3: Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 <i>Article 3: The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem 2020</i>	86
Artikel 4: Pemantapan Modal Insan ke arah Pelaksanaan Inventori Hutan Nasional Ke Enam (IHN-6) <i>Article 4: Strengthening the Human Capital Towards the Implementation of the 6th National Forest Inventory (NFI-6)</i>	88
Artikel 5: Pandemik Covid-19: Norma Baharu dalam Pengurusan Perhutanan di Semenanjung Malaysia <i>Article 5: Covid-19 Pandemic: New Norms in Forestry Management in Peninsular Malaysia</i>	96

101

PROFIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI
STATE FORESTRY DEPARTMENT'S PROFILE

115

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING 2020
MAIN EVENTS 2020

Januari-Disember 2020 / *January-December 2020*

131

LAMPIRAN
APPENDICES

Lampiran A:	Tenaga Kerja dalam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sehingga 31 Disember 2020	132
<i>Appendix A:</i>	<i>Workforce of Forestry Department Peninsular Malaysia as at 31st December 2020</i>	
Lampiran B:	Senarai Nama Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Pelaksana Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sehingga 31 Disember 2020	142
<i>Appendix B:</i>	<i>List of Senior Officers and Supporting Officers in the Forestry Department Peninsular Malaysia as at 31st December 2020</i>	
Lampiran C:	Pemangkuhan/Kenaikan Pangkat/Perlantikan Baharu Staf pada tahun 2020	178
<i>Appendix C:</i>	<i>Acting/Promotion/New Appointment of Staff in 2020</i>	
Lampiran D:	Senarai Staf yang Bertukar/Bersara/Meletak Jawatan/Meninggal Dunia pada tahun 2020	182
<i>Appendix D:</i>	<i>List of Staff Transferred/Retired/Resigned/Passed Away in 2020</i>	
Lampiran E:	Senarai Staf yang telah menghadiri Kursus/Seminar/Bengkel/Persidangan/Lawatan Rasmi/Mesyuarat Luar Negara pada tahun 2020	193
<i>Appendix E:</i>	<i>List of Staff Attending Courses/Seminars/Workshops/Conferences/Official Visits/Meetings Overseas in 2020</i>	
Lampiran F:	Senarai Kursus Anjuran Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia pada tahun 2020	195
<i>Appendix F:</i>	<i>List of Courses Organised by Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters in 2020</i>	
Lampiran G:	Senarai Pembentang Kertas Kerja di Persidangan/Seminar/Bengkel Peringkat Antarabangsa/Kebangsaan di dalam dan Luar Negara pada tahun 2020	198
<i>Appendix G:</i>	<i>List of Paper Presenters in International/National Conferences/Seminars/Workshops held Locally or Internationally in 2020</i>	
Lampiran H:	Senarai Penerbitan pada tahun 2020	199
<i>Appendix H:</i>	<i>List of Publications in 2020</i>	
Lampiran I:	Nama dan Alamat Pejabat-Pejabat Perhutanan dan Agensi Berkaitan	203
<i>Appendix I:</i>	<i>Name and Addresses of Forestry Offices and Related Agencies</i>	
Liputan Akhbar <i>Newspaper Coverage</i>		210
Jawatankuasa Editorial Laporan Tahunan JPSM 2020 <i>Annual Report Editorial Committee FDPM 2020</i>		216
Akronim / <i>Acronyms</i>		218
Peta Lokasi Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia <i>Location Map of Forestry Department Peninsular Malaysia</i>		220

Perspektif Jabatan

*DEPARTMENT'S
PERSPECTIVES*

Bebaru
Talipariti tiliaceum





VISI *Vision*

Untuk menjadi agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan.

To be the agency of excellence in the sustainable management of tropical forest.



MISI *Mission*

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

To sustainably manage and develop the forest resources and optimise their contributions to national socioeconomic development.



OBKJEKTIF / Objectives

Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.

To manage the forest resources sustainably for the continuous production of forest goods and services and their optimum utilisation, compatible with environmental requirements.




Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.

To increase the supply of forest goods and services through appropriate forestry activities that enhance the quality, productivity and utilisation of the forest resources.

Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.

To further develop appropriate environmentally sound technology for the conservation, management and utilisation of the forest resources.



Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaiannya biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan.

To conserve and protect the forests biological diversity, water and soil, and their sustainable utilisation.



Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.

To increase the quality and efficiency of the forest-based processing mills and enhance higher value added downstream activities.



Untuk memperkuatkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.

To strengthen human resource development (HRD) to support the forestry sector.



Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.

To improve public awareness on the environmental and conservational roles of forests through education and dissemination of information.



Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

To increase the forestry sector's contribution to national income, foreign exchange earnings and employment opportunities.

PIAGAM PELANGGAN IPJPSM

Client's Charter FDPMHq

-  Semua permohonan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh permohonan diterima kecuali bagi maklumat-maklumat yang belum diperolehi oleh Jabatan.
All requests for information on management, development and conservation of forest resources as well as forest industries shall be entertained within one (1) week from the date such requests were made except for information not readily available in the Department.
-  Nasihat-nasihat teknikal mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh ianya diterima kecuali bagi perkara-perkara yang memerlukan kajian yang khusus.
Technical advice on management, development and conservation of forest resources, as well as forest industries shall be forwarded within two (2) weeks from the date such requests were made except for matters requiring specific studies.
-  Semua permohonan untuk mendapatkan penerbitan tidak terperingkat akan diedarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan diterima.
All requests for unrestricted publications shall be distributed within two (2) weeks from the date such requests were made.
-  Permohonan untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh tamat penerimaan permohonan.
All applications to attend in-service training organised by the Department shall be notified within two (2) weeks after the closing date for such applications.
-  Permohonan untuk mengikuti kursus-kursus di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Kepong dan Pusat Latihan Perhutanan, Terengganu akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh temuduga.
All applications to attend courses at the Forestry Training Institute (FORTRAIN) in Kepong and the Forestry Training Centre in Terengganu shall be notified within one (1) month after the dates of interviews.
-  Semua laporan kemajuan projek pembangunan hutan akan dikemukakan kepada agensi pusat tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.
All progress reports on forest development projects shall be submitted to the central agency not later than the date stipulated.
-  Keputusan tawaran pelaksanaan projek pembangunan hutan akan dimaklumkan tidak lewat dari empat (4) bulan selepas tawaran dikeluarkan.
Results of tenders for the implementation of forest development projects shall be made known not later than four (4) months after such tenders were issued.
-  Tindakan untuk mengemukakan dokumen bagi bayaran kemajuan kontrak ke Perbendaharaan akan diambil dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima sekiranya semua syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.
Actions to forward the contract progress payment documents to the Treasury shall be undertaken within one (1) month from the date of application provided all conditions are fulfilled.
-  Bon pelaksanaan kontrak akan dilepaskan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh bon tersebut.
Performance bonds shall be released within one (1) month after the expiry date of such bonds.
-  Semua aduan berhubung perkhidmatan perhutanan akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.
All complaints pertaining to forestry services shall be acted upon within three (3) days after such complaints were received.

PIAGAM PELANGGAN JPN

Client's Charter SFD

Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasas kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

All applications to take forest produce or to operate wood-based industries shall be processed according to prescribed procedures.

Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

Licences to take forest produce shall be issued within a period of not more than six (6) months from the date of approval, provided the required terms are fulfilled.

Lesen untuk menjalankan kilang berasas kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat-syarat kelulusan.

Licences to operate wood-based industries shall be issued within a period of not more than one (1) month from the completion of mill construction provided all terms of approval are fulfilled.

Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasas kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

Decisions on applications for extention of all licences to take forest produce or to operate wood-based industries shall be made within a period of not more than one (1) month from the date such applications were received.

Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

Information and feedback received from the public will be acknowledged. All complaints pertaining to forest offences shall be acted upon within a period of not more than three (3) days.

Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.
To render the best possible services and courtesy at all times.


Pengurusan & Pentadbiran

*MANAGEMENT &
ADMINISTRATION*

Nipah
Nypa fruticans



PERUTUSAN *Message*



Bismillahir-Rahmannir-Rahim,
Segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam,
Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW.

Praise be to Allah, the Almighty God, Peace and Blessings be upon the most beloved Prophet Muhammad SAW.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya ingin memanjatkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana kita diberikan kesempatan untuk menyempurnakan segala tanggungjawab dan amanah yang diberikan sepanjang tahun 2020 walaupun seluruh dunia termasuk Malaysia telah dilanda pandemik baharu yang berbahaya iaitu *Coronavirus Disease* (COVID-19). Susulan daripada penularan pandemik COVID-19, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dalam usaha untuk mengekang penularan wabak ini di Malaysia. Pelaksanaan PKP ini telah mengubah landskap sosial dan ekonomi penduduk di negara ini. Pelbagai *Standard Operating Procedure* (SOP) telah diperkenalkan oleh kerajaan, termasuklah pengamalan budaya kerja norma baharu bagi Penjawat Awam. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) juga telah mengambil langkah untuk menggunakan sepenuhnya budaya kerja norma baharu yang telah berkuatkuasa ini. Dengan mengamalkan norma baharu ini, JPSM terus komited melaksanakan segala perancangan bagi merealisasikan pencapaian misi utama Jabatan dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara.

*I would like to express my deepest gratitude to Allah SWT as we have been given the opportunity to complete all the responsibilities and trust given throughout the year of 2020 even though the whole world including Malaysia has been hit by a dangerous new pandemic called *Coronavirus Disease* (COVID-19). Following the outbreak of COVID-19, the government has implemented the Movement Control Order (MCO) starting on 18th March, 2020 to curb the spread of the disease in Malaysia. The implementation of MCO has changed the social and economic landscape of the people in the country. Various Standard Operating Procedures (SOPs) have been introduced by the government, including the adoption of a new norm work culture for Civil Servants. Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) has also taken steps to fully adopt the work culture of new norms that have been in force. By adopting this new norm, FDPM remains committed to implementing all plans to realize the achievement of the Department's main mission to sustainably manage and develop the forest resources and optimise their contributions to national socioeconomic development.*

“ Dengan mengamalkan norma baharu ini, JPSM terus komited melaksanakan segala perancangan bagi merealisasikan pencapaian misi utama Jabatan dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara. ”



Ketua Pengarah
Perhutanan Semenanjung Malaysia
*Director-General of
Forestry Peninsular Malaysia*

Di akhir tempoh RMKe-11, sebanyak RM140.3 juta atau 96.4% dari Peruntukan Pembangunan di peringkat Persekutuan telah berjaya dibelanjakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dalam melaksanakan sebanyak tiga (3) program utama pembangunan hutan iaitu (i) Pengurusan Hutan Secara Berkekalan; (ii) Penanaman Pokok Bakau dan Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara; dan (iii) Pengembangan Maklumat Perhutanan dan IT dan K-Perhutanan (JPSM). Dalam tahun 2020 sahaja, sebanyak RM40.9 juta atau 92.1% daripada Peruntukan Pembangunan di peringkat Persekutuan telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan hutan tersebut. Tahniah dan syabas saya tujukan kepada semua warga JPSM di atas prestasi pencapaian ini meskipun seluruh dunia umumnya dan Malaysia khususnya telah dilanda pandemik COVID-19. Sudah pasti pelbagai cabaran dan rintangan telah dihadapi oleh segenap masyarakat dan tidak terkecuali kepada semua warga kerja perhutanan. Dalam mendepani cabaran pada masa akan datang, saya berharap agar prestasi ini akan dapat diteruskan dengan lebih baik dalam melaksanakan projek-projek pembangunan hutan di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12:2021-2025).

Dalam konteks sektor perhutanan di peringkat global, antara isu semasa yang dilaporkan oleh *The State of The World's Forests* (SOFO) 2020, *Forests Biodiversity and People* yang diterbitkan oleh Food and Agriculture (FAO) menyatakan bahawa penyahhutanan dan degradasi hutan dunia masih terus berlaku pada kadar membimbangkan yang mana memberi sumbangan besar kepada kehilangan biodiversiti hutan. FAO telah mengiktiraf Malaysia sebagai antara 25 negara sedang membangun yang mempunyai litupan hutan yang tinggi dan kegiatan penyahhutanan yang rendah atau *high forest cover and low deforestation activities*. Alhamdulillah, kita bersyukur, hutan kita di Malaysia adalah antara yang terkaya dan tertua di dunia. Hutan kita merupakan aset semula jadi yang amat berharga kepada pembangunan sosioekonomi serta perkhidmatan ekosistem termasuk menjadi habitat kepada ribuan spesies flora dan fauna, menyedia sumber bekalan air yang bersih dan oksigen untuk kelangsungan hidup serta menstabilkan iklim. Berdasarkan kepada Indeks Biodiversiti Negara, Malaysia menjadi perumah kepada 15,000 spesies tumbuhan berbunga (flora), 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, lebih daripada 449 spesies ikan air tawar, lebih daripada 500 spesies ikan laut dan lebih daripada 150,000 spesies invertebrata. Oleh itu, kita perlu meningkatkan usaha dan melaksanakan transformasi dalam memelihara, memulihara dan menguruskan hutan dengan lebih baik dan efektif.

At the end of the 11th MP period, around RM140.3 million or 96.4% of the Development Allocation at Federal level has been successfully spent by the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHq) in implementing three (3) main programmes of forest development namely (i) Sustainable Forest Management ; (ii) Planting of Mangrove Trees and Suitable Species in the National Coastal Region; and (iii) Expansion of Forestry Information, IT and K-Forestry. In 2020 alone, a total of RM40.9 million or 92.1% of the Federal Development allocation was spent on the forest development projects. Congratulations to all FDPM staff for their achievements despite the worldwide in general and Malaysia in particular being hit by the COVID-19 pandemic. Of course, various challenges and obstacles have been faced by the whole community and not excluded to all forestry personnel. In facing the challenges ahead, I hope that this performance will be further continued in implementing forest development projects under the Twelfth Malaysia Plan (12th MP: 2021-2025).

*In the context of the forestry sector at the global level, among the current issues reported by *The State of The World's Forests* (SOFO) 2020, *Forests Biodiversity and People* published by Food and Agriculture (FAO) states that forestry and degradation of the world's forests continue to occur at alarming rates which contribute greatly to forest biodiversity loss. FAO has recognized Malaysia as one of 25 developing countries that have high forest cover and low deforestation activities. We are grateful, our forest in Malaysia is among the richest and oldest in the world. Forests are a valuable natural asset to socioeconomic development as well as ecosystem services including being a habitat for thousands of species of flora and fauna, providing a source of clean water and oxygen supplies for survival and stabilizing the climate. Based on the National Biodiversity Index, Malaysia is home to 15,000 species of flowering plants (flora), 306 species of mammals, 742 species of birds, 242 species of amphibians, 567 species of reptiles, more than 449 species of freshwater fish, more than 500 species of marine fish and more than 150,000 species of invertebrates. Therefore, we need to increase efforts and implement transformation in maintaining, conserving and managing forests better and effectively.*

Sepanjang tahun 2020, pengurusan hutan yang dilaksanakan di Semenanjung Malaysia dilihat sentiasa menekankan keseimbangan pemeliharaan sumber dan keperluan ekonomi sejajar dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Sehingga tahun 2020, JPSM menguruskan hutan di Semenanjung Malaysia seluas 5.7 juta hektar kawasan berhutan dan 4.81 juta hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dengan baik mencakupi empat jenis hutan utama dalam HSK iaitu Hutan Darat (4.34 juta hektar), Hutan Paya Gambut (0.25 juta hektar), Hutan Paya Laut (0.09 juta hektar) dan Ladang Hutan (0.12 juta hektar).

Selain itu, JPSM telah berjaya mengekalkan Pensijilan Standard Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (MC&I) bagi lima negeri pengeluar kayu balak di Semenanjung Malaysia iaitu Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu, manakala Johor telah berjaya memperolehi semula pensijilan MC&I yang menjadikan kesemuanya enam buah negeri pengeluar kayu balak yang telah dipersijilkan. Ini membuktikan keberkesaan pengurusan hutan yang diamalkan oleh JPSM di mana pensijilan MC&I ini diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menjadi kayu pengukur kepada tahap keberkesaan pelaksanaan amalan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB).

Secara keseluruhannya, pelbagai program, projek dan aktiviti telah dijayakan dalam tahun 2020 oleh JPSM. Program Penanaman 5 juta pokok yang merupakan kesinambungan pelaksanaan projek dari tahun-tahun sebelumnya telah merekodkan sebanyak 5,235,570 pokok berjaya ditanam di Semenanjung Malaysia melalui beberapa projek yang dilaksanakan antaranya Projek Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara, Projek Central Forest Spine (CFS) dan Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia. Pencapaian membanggakan ini dilihat melebihi sasaran tahunan JPSM bagi pelaksanaan program ini. Bagi Projek CFS pula, projek ini telah menjangkau tempoh hampir sepuluh (10) tahun bermula pada tahun 2011 sehingga kini dan akan memasuki Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe12). Sepanjang tempoh tersebut, usaha kolektif di kalangan semua pihak yang terlibat disatukan dengan sebaiknya supaya CFS dapat menjadi medium kepada pengurusan dan pemeliharaan khazanah hutan negara. Agensi dan jabatan-jabatan teknikal memainkan peranan secara aktif dan menterjemahkan input-input teknikal untuk pelaksanaan secara berkesan. Kesinambungan pembangunan koridor ekologi CFS di Semenanjung Malaysia dalam RMKe11 dilaksanakan dengan penumpuan kepada 11 koridor meliputi lapan (8)

Throughout 2020, forest management implemented in Peninsular Malaysia has always stressed the balance of resource preservation and economic needs in line with the concept of Sustainable Forest Management (SFM). As of 2020, FDPM manages 5.7 million hectares forests areas in Peninsular Malaysia and 4.81 million hectares of Permanent Reserved Forest (PRF), with four main forests in PRF namely Inland Forest (4.34 million hectares), Peat Swamp Forest (0.25 million hectares), Mangrove Forest (0.09 million hectares) and Plantation Forest (0.12 million hectares).

In addition, FDPM has successfully maintained the Standard Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification (MC&I) for five timber producer states in Peninsular Malaysia namely Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor and Terengganu, while Johor has successfully regained MC&I certification which makes all six timber producing states certified. This proves that the effectiveness of forest management practiced by FDPM where MC&I certification is recognized internationally and serves as a bench mark to the effectiveness of the implementation of Sustainable Forest Management (SFM) practices.

In total, various programmes, projects and activities were successfully implemented in 2020 by FDPM. The 5 million trees planting programme which is a continuation of the project implementation from previous years has recorded 5,235,570 trees successfully planted in Peninsular Malaysia through several projects implemented such as Mangrove Tree Planting and Suitable Species Project in the National Coastal Area, Central Forest Spine Project (CFS) and Restoration, Reclamation and Rehabilitation Project of Degraded Forest Area in Peninsular Malaysia. This commendable achievement is seen to exceed the annual target of FDPM for the implementation of this program. As for the CFS Project, the project has spanned almost ten (10) years from 2011 until now and will enter the Twelfth Malaysia Plan (12th MP). Through this period, collective efforts among all parties involved were properly consolidated so that CFS can be a medium for the management and preservation of the nation's forest treasures. Agencies and technical departments actively play and translate technical inputs for effective implementation. The continuation of the development of CFS corridor ecology in Peninsular Malaysia in 11th MP was implemented with focusing on the 11 corridor covering eight (8) states. The activities planned, translated either through field work or through the strategies and initiatives outlined in the CFS 2010 Master

buah negeri. Aktiviti-aktiviti yang telah dirancang, diterjemahkan sama ada melalui kerja-kerja di lapangan atau melalui strategi dan inisiatif yang telah digariskan di dalam Pelan Induk CFS 2010 bagi memperkuuhkan pelaksanaan CFS supaya kepelbagaiannya biologi dan kawasan berhutan negara akan terus terpelihara.

Bagi mempertingkatkan lagi pencapaian pembangunan sektor perhutanan di Semenanjung Malaysia di tahun-tahun hadapan, adalah diharapkan penggunaan model aplikasi berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terus digalakkan dan dipertingkatkan. Dalam hal ini, JPSM telah memulakan inisiatif melaksanakan Projek Pendigitalan Sumber dan Operasi Hutan (PSOH) di Semenanjung Malaysia dengan jumlah peruntukan sebanyak RM28,059,237 di bawah peruntukan Akaun Amanah Projek Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (A-PHSB) JPSM. Projek yang akan dijalankan selama tiga tahun ini dijangkakan akan mewujudkan pentadbiran dan pengurusan kerja yang lebih bersistematis dan penyimpanan data secara berpusat serta tahap keselamatan maklumat dan rangkaian ICT dapat ditingkatkan dengan memenuhi piawaian standard ICT. Selain itu, melalui projek yang akan dilaksanakan dengan dua (2) skop utama iaitu naik taraf perkakasan dan infrastruktur ICT dan pemerkasaan GIS serta pembangunan dan pemerkasaan ke atas Sistem Operasi Perhutanan ini, dapat membantu penguatkuasaan yang lebih berkesan, penghasilan analisa dibuat dengan lebih mudah, tepat, cepat dan sistem pemantauan maklumat geospatial yang seragam di seluruh Semenanjung Malaysia. Saya percaya, digitalisasi dalam budaya kerja pada masa sekarang amatlah penting dan selari dengan Revolusi Industri 4.0.

Bidang penguatkuasaan hutan juga merupakan nadi utama JPSM. JPSM terus melangkah dalam memperkuuhkan dan memperkasa bidang penguatkuasaan hutan di peringkat nasional dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan pendekatan bagi memastikan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dikawal selia dan diurus dengan sebaiknya. Antaranya adalah JPSM telah disenaraikan sebagai antara 19 agensi Penguatkuasaan di Malaysia yang terlibat melaksanakan Operasi Benteng bagi Komponen Darat di bawah pasukan National Task Force (NTF), Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Dengan penglibatan JPSM dalam Ops Benteng tersebut, dapat dilihat JPSM berperanan besar dalam memastikan keselamatan HSK yang bersempadan dengan negara-negara jiran. Penglibatan JPSM dalam operasi yang dilaksanakan bersama agensi penguatkuasaan yang lain terus diperkasa antaranya penglibatan dalam Operasi Bersepada

Plan to strengthen the CFS implementation so that biodiversity and forested areas of the country will be preserved.

To further enhance the development achievements of the forestry sector in Peninsular Malaysia in the years ahead, it is hoped that the application model based on Information and Communication Technology (ICT) will continue to be encouraged and enhanced. In this regard, FDPM has initiated the initiative to implement the Resource Digitalisation and Forest Operation Project (PSOH) in Peninsular Malaysia with a total allocation of RM28,059,237 under the provision of The Trust Account for Sustainable Forest Management Project (A-SFM) of FDPM. The project which will be carried out over the next three years is expected to create a more systematic administration and management of work and centralised data storage as well as enhanced levels of information security and ICT networks by meeting ICT standards. In addition, through projects to be implemented with two (2) main scopes namely the upgrading of ICT hardware and infrastructure and GIS empowerment as well as the development and empowerment of the Forestry Operations System, can assist in more effective enforcement, the analysis can be implemented easily, faster and standardize geospatial information monitoring system in Peninsular Malaysia. I believe that digitalisation in today's work culture is very important and in line with The Industrial Revolution 4.0.

Forest enforcement is also the main thrust of FDPM. FDPM continues to step in strengthening and empowering the forest enforcement at the national level by implementing initiatives and approaches to ensure that the Permanent Reserved Forest (PRF) area is properly regulated and managed. Among them are FDPM listed as among the 19 Enforcement agencies in Malaysia involved in implementing Benteng Operation for Land Component under the National Task Force (NTF), Malaysian Armed Forces (ATM). With the involvement of FDPM in Ops Benteng, it can be seen that FDPM plays a big role in ensuring the security of PRF which borders the neighbouring countries. The involvement of FDPM in operations carried out with other enforcement agencies is further strengthened including involvement in Khazanah Integrated Operations (KIO), an initiative under the Ministry of Home Affairs (MOHA) through the Royal Malaysian Police (PDRM) in collaboration

Khazanah (OBK) yang merupakan satu inisiatif di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Ali (KeTSA), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), pelbagai agensi kerajaan persekutuan dan negeri serta badan bukan kerajaan (NGO). Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam aspek penguatkuasaan bagi membanteras sebarang bentuk jenayah alam sekitar yang meliputi pencerobohan dan pemburuan haram yang melibatkan hasil hutan dan hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, JPSM juga telah menaiktaraf pusat pemantauan sumber hutan atau ‘war room’ yang dilengkapi dengan pelbagai teknologi terkini dalam memastikan pemantauan hutan dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap.

Tahun 2020 juga memperlihatkan pelbagai program telah dilaksanakan oleh JPSM antaranya adalah Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang telah dilaksanakan pada 26 Julai 2020 di Pusat Eko Pelajaran Larut Matang, Perak yang telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Selain itu, JPSM juga telah mengadakan Seminar Ekspedisi Saintifik Kepelbagai Biologi Hutan, Gunung Telapak Buruk, Hutan Simpan Berembun, Negeri Sembilan pada 13 hingga 15 Mac 2020. Pelaksanaan program-program seumpama ini amat penting dalam menerapkan sifat kecintaan dan peka terhadap sumber hutan di negara ini dan dapat merekodkan penemuan-penemuan spesies-spesies baru di temui.

Program Malim Gunung Perhutanan (MGP) dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah bergerak secara aktif oleh JPSM. Program MGP merupakan program yang julung kalinya dilaksanakan oleh JPSM dengan melibatkan individu atau pihak yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman sebagai Malim Gunung. Selain itu, ianya juga dapat membantu JPSM dalam menguruskan kawasan pendakian dengan lebih baik serta pentadbiran aktiviti pendakian dalam HSK akan lebih seragam dan teratur secara tidak langsung merancakkan pelancongan kembaraan di Semenanjung Malaysia.

JPSM juga meneruskan pembabitan secara aktif dan progresif di dalam pelbagai forum di peringkat serantau dan antarabangsa di sepanjang tahun 2020. Pandemik COVID-19 telah mewujudkan perubahan drastik di dalam era digitalisasi serta

with the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA), Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN), State Forestry Department (SFD), Perak State Parks Corporation (PSPD), Johor National Parks Corporation (JNPC), various federal and state government agencies as well as non-governmental organizations (NGOs). Khazanah Integrated Operations (KIO) aims to enhance enforcement efforts to curb any form of environmental crimes that include illegal encroachment and hunting involving forest products and wildlife throughout Peninsular Malaysia. Besides that, FDPM has also upgraded a monitoring centre for forest resources or war room equipped with various latest technology to ensure that forest monitoring can be carried out faster and efficiently.

The year 2020 also showed that various programmes have been implemented by FDPM, which is The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem which was implemented on 26th July 2020 at the Eco Education Centre Larut Matang, Perak which was officiated by the Honourable Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Minister of Energy and Natural Resources. In addition, FDPM also organised a Seminar on Forest Biodiversity Scientific Expedition, Gunung Telapak Buruk, Berembun Forest Reserve, Negeri Sembilan from 13th to 15th March 2020. The implementation of such programmes is very important in instilling the love and awareness of forest resources in the country and being able to record the findings of new species discovered.

The Forestry Malim Gunung Programme (MGP) in collaboration with the Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM) has been actively carried out by FDPM. The MGP programme is the first programme to be implemented by FDPM involving individuals or parties with qualifications and experience as Malim Gunung. Besides that, it will also help FDPM in managing the climbing area better as well as the administration of the climbing activities in PRF will be more standardize and organize indirectly to boost tourism in Peninsular Malaysia.

FDPM also continues to actively and progressively participate in various forums at regional and international levels throughout the year of 2020. The COVID-19 pandemic has created drastic changes in the era of digitalisation and new norms of life that need

norma kehidupan baharu yang perlu diadaptasi dan diamalkan oleh seluruh masyarakat dunia dan tidak terkecuali rakyat Malaysia. Budaya kerja digital ini telah dilaksanakan termasuklah mengadakan forum-forum secara maya. Antara forum berkaitan perhutanan yang disertai oleh JPSM adalah *The 25th Session of the Committee on Forestry (COFO25)* dan *The 7th World Forest Week (WFW7)*, *The 23rd Meeting of the ASEAN Senior Officials on Forestry (23rd ASOF)*, *Special Meeting of the APFNet Council 2020*, *Special Virtual Sessions for SBSTTA 24 and SBI 3 on Biodiversity of CBD and One Health and COVID-19*. Bukan itu sahaja, JPSM juga melaksanakan projek-projek yang dibiayai oleh dana antarabangsa iaitu Projek *Improving Connectivity of Central Forest Spine (IC-CFS)* dengan dana peruntukan daripada *Global Environment Facility (GEF)* melalui *United Nations Development Programme (UNDP)*. Projek ini diterajui oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dengan usaha sama tiga agensi pelaksana utama iaitu JPSM, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Selain itu, tahun 2020 juga menyaksikan satu perjanjian kewangan telah dimeterai antara kerajaan Malaysia dan *The International Fund for Agricultural Development (IFAD)* yang telah ditandatangani pada 17 Disember 2020 bagi melaksanakan Projek *Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia (SMPEM)* dengan jumlah peruntukan sebanyak RM39,618,717.60. IFAD merupakan satu institusi kewangan antarabangsa dan agensi khusus Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berdedikasi untuk membasmi kemiskinan dan isu kebuluran di kawasan-kawasan luar bandar di negara-negara membangun.

Komitmen kerajaan Malaysia bagi mengekalkan 50 peratus kawasan berhutan pada Sidang Kemuncak Bumi 1992 di Rio de Janeiro, Brazil juga adalah menjadi komitmen JPSM. Oleh yang demikian bagi memastikan khazanah ini masih terpelihara, Projek Inventori Hutan Nasional (IHN) bermula pertama kali pada tahun 1970 dan dilaksanakan setiap sepuluh (10) tahun sekali kini masih diteruskan. Tujuan utama IHN ini adalah untuk pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif bagi tujuan pengemaskinian maklumat sumber hutan di Semenanjung Malaysia untuk tujuan perancangan, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan negara. Pada tahun 2020, bermulalah pelaksanaan IHN keenam (IHN6) yang dijalankan di lapangan oleh warga kerja dari IPJPSM dan JPN dan ianya memerlukan usaha dan komitmen yang tinggi dari semua pihak dalam memastikan maklumat yang tepat mengenai sumber

to be adapted and practiced by the whole world and including Malaysians. This digital work culture has been implemented including holding virtual forums. Among the forestry-related forums participated by FDPM were the 25th Session of the Committee on Forestry (COFO25) and The 7th World Forest Week (WFW7), The 23rd Meeting of the ASEAN Senior Officials on Forestry (23rd ASOF), Special Meeting of the APFNet Council 2020, Special Virtual Sessions for SBSTTA 24 and SBI 3 on Biodiversity of CBD and One Health and COVID-19. Not only that, FDPM also implements projects funded by international funds namely the Improving Connectivity of Central Forest Spine (IC-CFS) Project with funding from the Global Environment Facility (GEF) through the United Nations Development Programme (UNDP). The project is spearheaded by the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA) in collaboration with three main implementing agencies namely FDPM, Department of Wildlife and National Parks Peninsular Malaysia (PERHILITAN) and Forest Research Institute Malaysia (FRIM).

In addition, 2020 also witnessed financial agreement signed between the Malaysian government and The International Fund for Agricultural Development (IFAD) signed on 17th December 2020 to implement the Sustainable Management of Peatland Ecosystems in Malaysia (SMPEM) Project with a total allocation of RM39,618,717.60. IFAD is an international financial institution and a United Nations specialised agency dedicated to eradicating poverty and famine in rural areas in developing countries.

The Malaysian government's commitment to maintain 50 percent of forested areas at the 1992 Earth Summit in Rio de Janeiro, Brazil was also a commitment of FDPM. Thus, to ensure that the treasures are preserved, the National Forest Inventory Project (NFI) started for the first time in 1970 and is implemented every ten (10) years. The main purpose of NFI is to collect quantitative and qualitative data for the purpose of updating forest resource information in Peninsular Malaysia for the purpose of planning, management, development and preservation of the country's forest resources. In 2020, Sixth NFI (NFI-6) implementation was carried out in the field by staff from FDPMHQ and SFD and it required high effort and commitment from all parties in ensuring accurate information on forest resources obtained. Hopefully, the implementation of this inventory which will continue with its implementation from 2021 to 2022 will achieve

hutan yang diperolehi. Semoga pelaksanaan inventori ini yang akan diteruskan pelaksanaannya pada 2021 hingga 2022 dapat mencapai matlamatnya dengan usaha dan komitmen yang jitu dari semua pihak.

Sebagai menutup tirai tahun 2020, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas kecemerlangan yang dicapai oleh JPSM sepanjang tahun 2020. Dalam hubungan ini, sukalah saya merakamkan sekalung penghargaan kepada semua warga kerja JPSM yang telah memberikan sumbangan dan komitmen tinggi yang berterusan dalam usaha Jabatan mencapai kecemerlangan tersebut sepanjang tahun 2020. Semoga kejayaan yang dikecapi pada tahun 2020 ini akan dijadikan sebagai pemangkin dan pembakar semangat kepada semua warga kerja perhutanan JPSM untuk terus komited dan proaktif dalam menjadikan JPSM sebagai satu-satunya Agensi Terunggul Dalam Pengurusan Hutan Tropika Secara Berkekalan.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memastikan Laporan Tahunan JPSM 2020 berjaya diterbitkan. Semoga Laporan Tahunan JPSM 2020 ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pelbagai pihak. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Ahli Jawatankuasa Editorial Laporan Tahunan 2020 dan semua warga kerja yang terlibat di atas segala usaha menerbitkan Laporan Tahunan 2020 ini.

Semoga Allah SWT sentiasa memberkati dan merahmati ke atas segala usaha anda.

Sekian, terima kasih.

Thank you.

Wassallammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(DATO) MOHD RIDZA BIN AWANG

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia

its goals with strong efforts and commitment from all parties.

As the closing of the year 2020, let me take this opportunity to express my gratitude and congratulations on the excellence achieved by FDPM throughout the year 2020. In this regard, I would like to express my appreciation to all employees of FDPM for their continuous contribution and commitment in the Department's efforts in achieving such excellence throughout the year 2020. Hopefully, the success achieved in 2020 will serve as a catalyst and motivator for all forestry personnel to remain committed and proactive in making FDPM the only Agency of Excellence in the Sustainable Management of Tropical Forests.

Last but not least, my deepest appreciation to all parties involved directly and indirectly in ensuring the successful publication of the Annual Report of FDPM 2020. May the FDPM 2020 Annual Report be best utilized by various parties. My appreciation is also extended to the Editorial Committee Members of the 2020 Annual Report and all employees involved in all efforts to publish this 2020 Annual Report.

May Allah SWT always bless and have mercy for all your efforts.

FUNGSI DIREKTORAT

Functions of the Directorate

Ahli direktorat terdiri daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Ketua Pengarah. Direktorat bertanggungjawab dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan objektif-objektif Jabatan serta menyelaras kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan negara.

The Directorate comprises the Director-General of Forestry Peninsular Malaysia and assisted by two (2) Deputy Director-Generals. They are responsible for the formulation and implementation of policies, strategies and objectives of the Department, as well as in coordinating the administration, management, development and conservation of the forest resources to meet the needs of the country.



AHLI-AHLI DIREKTORAT 2020

Members of the Directorate 2020

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Director-General of Forestry Peninsular Malaysia
DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG



Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Dasar dan Perancangan)
*Deputy Director-General of Forestry
(Policy and Planning)*
DATO' HJ. ZAHARI BIN IBRAHIM

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
(Operasi dan Teknikal)
*Deputy Director-General of Forestry
(Operation and Technical)*
MOHD RAHIM BIN RANI
(mulai / *since* 11.7.2020)

PENGARAH BAHAGIAN/ KETUA UNIT IPJPSM

Division Directors/Heads of Unit FDPMHq

Bahagian Perancangan
dan Ekonomi Hutan
*Forest Planning
and Economics Division*

KOSONG / **VACANT**
(mulai / *since* 11.07.2020)

Bahagian Pengurusan
Hutan
*Forest Management
Division*

DATO' DR. MOHD PUAT
BIN DAHALAN
(mulai / *since* 1.12.2020)

Bahagian Silvikultur dan
Pemeliharaan Biologi Hutan
*Silviculture and Forest Biodiversity
Conservation Division*

DATO' AHMAD FADZIL
BIN ABD MAJID

Bahagian Latihan
Perhutanan
Forestry Training Division

DATUK JEFFRI
BIN ABD RASID
(mulai / *since* 1.6.2020)

Bahagian Ladang Hutan dan
Perlindungan Hutan
*Forest Plantation and
Protection Division*

MOHD FAUZI
BIN ABU BAKAR

Bahagian Khidmat
Pengurusan
*Management Services
Division*

HALIMATUSAADIAH
BINTI RAMLI

**Bahagian Teknikal dan
Industri Kayu**
*Technical and Wood Industry
Division*



IR. ZAMRI BIN MOHD TUKIRAN

**Bahagian Pengurusan
Maklumat**
*Information Management
Division*



MOHAMAD SABRI BIN SALEH

**Bahagian Hal Ehwal
Antarabangsa**
*International Affairs
Division*



AZHAR BIN AHMAD

**Bahagian Penguatkuasaan
Hutan**
*Forest Enforcement
Division*



MOHD RAHIM BIN RAMLI

**Bahagian Forest Eco-Park
dan Hutan Taman Negeri**
*Forest Eco-Park and Forest
State Park Division*



MOHD YUSSAINY BIN MD YUSOP
(mulai / *since* 1.3.2020)

**Bahagian Kejuruteraan
Hutan**
*Forest Engineering
Division*



MADZRI BIN MALEK
(mulai / *since* 25.8.2020)

Unit Integriti Perhutanan
Forestry Integrity Unit



**HISHAMMUDIN BIN
MOHAMMED ESA**
(mulai / *since* 1.7.2020)

**Bahagian Perundangan dan
Pendakwaan**
*Legal and Prosecution
Division*



AHMAD SANUSI BIN YAHAYA
(mulai / *since* 1.11.2020)

**Unit Komunikasi Korporat
dan Perhubungan Awam**
*Corporate Communication and
Public Relations Unit*



**ROSAIZAN HARYANI
BINTI ROSLI**
(mulai / *since* 1.4.2020)

PENGARAH PERHUTANAN NEGERI

PAHANG



DATO' DR. MOHD HIZAMRI
BIN MOHD YASIN

PERAK



DATO' MOHAMED ZIN
BIN YUSOP

KEDAH



ROSLAN BIN RANI

NEGERI
SEMBOLAN



SALEH BIN AWALUDIN

KELANTAN



ABDUL KHALIM
BIN ABU SAMAH
(mulai / since 16.8.2020)

SELANGOR



MOHD RIDZUWAN
BIN ENDOT

State Directors of Forestry |

TERENGGANU



MUHAMMAD
BIN ABDULLAH

MELAKA



KHIRUN NIZAM
BIN ABDUL RAHIM
(mulai / since 10.08.2020)

PERLIS



AG. SHAFFIE
BIN AG. AHMADNI

JOHOR



DATO' SALIM BIN AMAN
(mulai / since 1.6.2020)

PULAU
PINANG



MUHAMMAD EZHAR
BIN YUSUF @ ANTIK

WILAYAH
PERSEKUTUAN



MOHD. HAFIZ BIN HAMZAH

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG PADA TAHUN 2019

Seramai 33 orang staf Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JPSM pada tahun 2019.

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL / *MANAGERIAL AND PROFESSIONAL GROUP*

Bil. <i>No.</i>	Nama <i>Name</i>	Skim <i>Scheme</i>	Gred <i>Grade</i>	Bahagian/Unit <i>Division/Unit</i>
1	Ir. Zamri bin Mohd Tukiran	Jurutera Mekanikal <i>Mechanical Engineer</i>	J52	Bahagian Teknikal dan Industri Kayu <i>Technical & Wood Industry Division</i>
2	Khirun Nizam bin Abdul Rahim	Pemelihara Hutan <i>Conservator of Forest</i>	G48	Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan <i>Forest Planning & Economics Division</i>
Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu has managed to retain the Certificate for Forest Management under MTCS.



Pembangunan Sumber Hutan

Forest Resources Development

Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Hutan 2020

Forest Development Allocation and Expenditure 2020

Peruntukan dan Perbelanjaan	Jumlah Tahunan <i>Yearly Total</i>	Peruntukan <i>Allocation</i>	Perbelanjaan <i>Expenditure</i>	Peratus <i>Percent</i>
Persekutuan / <i>Federal</i>	RM44,444,141	RM40,946,678	92.1%	
Negeri / <i>State*</i>	RM84,637,230	RM56,487,277	66.7%	
Jumlah / <i>Total</i>	RM129,081,371	RM97,433,955	75.5%	

Nota / *Note:*

*Termasuk Projek Pembangunan dan KWPH / *Include Development Project and KWPH*

Pemuliharaan Hutan dan Perlindungan Alam Sekitar *Forest Conservation and Environmental Protection*

Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara *Programme for the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline*

27 kempen / *campaigns*

Program Kempen Kesedaran di Seluruh Negara
Awareness Campaign Programme Throughout Country

Kempen ini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai serta memupuk semangat "milik bersama" terhadap kesejahteraan alam sekitar.

This campaign involved various communities with the purpose to enhance public awareness on the importance of coastal forest as well as to instil the spirit of 'common ownership' for environmental wellbeing

6.9 juta / *million*

Jumlah Penanaman Anak Pokok
Total Seedlings Planted

2,983 hektar / *hectares*

Keluasan Kawasan Penanaman
(2005-2020)
Planting area (2005-2020)

Objektif / *Objective*

Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut termasuk kawasan pesisiran pantai dalam memastikan kelangsungan peranan serta sumbangannya kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

Increase awareness among the communities to conserve and preserve the Mangroves ecosystems including the coastlines as well as to ensure the continuing role and contributions to the livelihood of the global community.


Tarikh / *Date*
26 Julai 2020

Lokasi / *Location*
Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak

Sambutan
Hari Konservasi
Ekosistem
Hutan Paya Laut
Antarabangsa Peringkat
Kebangsaan Tahun 2020
The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem 2020

Laporan Tahunan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara 2019.

Annual Report of the Planting of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline 2019



Pengusahaan Hutan *Forest Harvesting*

Hutan Tanah Kerajaan
State Land Forest
4,776
hektar / *hectares*
6.7%

Tanah Berimilik
Alienated Land
18,042
hektar / *hectares*
25.4%

70,917
hektar
hectares
100%

Kawasan yang dilesenkan
untuk pengusahaan
tahun 2020
*Area Licensed for
Harvesting*

Hutan Simpanan Kekal
Permanent Reserved Forest
22,932
hektar / *hectares*
32.4%

Hutan Simpanan Kekal
Permanent Reserved Forest
25,167
hektar / *hectares*
35.5%

Di bawah Catuan
Tebangan Tahunan
*Under Annual Allowable
Cut*

58.27% daripada jumlah
Catuan Tebangan
Tahunan (CTT) yang
ditetapkan iaitu 39,354
hektar.

*58.27% of the total
Annual Allowable
Cut (AAC) approved
amounting to 39,354
hectares.*

Luar Catuan Tebangan Tahunan*
*Outside Annual Allowable Cut**

* Keluasan HSK yang diusahahasil
secara tebang habis untuk tujuan
pembangunan, perladangan hutan
dan penyelidikan.

* *PRF clear-felled for development,
forest plantation and research.*

INDUSTRI BERASAS KAYU

WOOD-BASED INDUSTRIES




SUMBANGAN SOSIOEKONOMI

Socioeconomic Contributions

Sektor perhutanan telah menyumbang sebanyak **RM6.30 billion** atau **0.4%** daripada Jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia iaitu **RM1,415.16 trillion** dalam tahun 2020.

The forestry sector contributed RM6.30 billion or 0.4% of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) of RM1,415.16 trillion in 2020.

JUMLAH PELABURAN DALAM INDUSTRI KAYU GERGAJI, PAPAN LAPIS DAN KAYU KUMAI DI SEMENANJUNG MALAYSIA
THE TOTAL INVESTMENT IN THE SAWMILL, PLYWOOD AND MOULDING INDUSTRIES IN PENINSULAR MALAYSIA



Berdasarkan nilai harta tetap pada tahun 2020
Based on fixed assets in 2020.

PERDAGANGAN PRODUK KAYU-KAYAN

TIMBER PRODUCT TRADE

Jumlah pendapatan eksport produk kayu-kayam Malaysia telah mengalami penurunan sebanyak 2.1% kepada RM22.02 billion berbanding RM22.5 billion pada tahun 2019.

The total export earnings of Malaysian timber products decreased of 2.1% to RM22.02 billion as compared to RM22.5 billion in 2019.

2.1%

22%



Jumlah eksport produk kayu-kayam di Semenanjung Malaysia mengalami penurunan sebanyak 22% kepada RM4.60 billion berbanding RM5.90 billion pada tahun 2019.

The total export of timber products for Peninsular Malaysia decreased of 22% to RM4.60 billion as compared to RM5.90 billion in 2019.

Kutipan Hasil Hutan kepada Kerajaan Negeri

Forest Revenue Collection to the State Government

Kutipan hasil hutan diperolehi daripada royalti, premium, ses, kompaun kesalahan hutan, pampasan dan lain-lain caj/fi. Hasil ini telah menyumbang

RM436.58 juta kepada kerajaan negeri pada tahun 2020.

Forest revenues are derived from royalties, premiums, cess, forest offence fines, compensations and other charges/fees. The forest revenue contributed

RM436.58 million to the state coffers in 2020.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Human Resource Development



Program Latihan di Institut Latihan Perhutanan, Kepong

Training Programme in Forestry Training Institutes, Kepong (FORTRAIN)

Tiada pengambilan pelatih Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi tahun 2020

No intake for trainees of the Forestry Rangers Certificate Course for 2020

Tiada pengambilan pelatih Kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan bagi tahun 2020

No intake for trainees of the Forestry Forester Certificate Course for 2020

19 orang pelatih bagi Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan Sesi 2018/2020 dan 68 orang pelatih bagi Kursus Sijil Pengawas Hutan Sesi 2018/2019 telah menamatkan latihan

19 trainees of the Forest Rangers Forestry Certificate 2018/2020 Session and 68 trainees of the Forester Certificate Course for the 2018/2019 have completed their training

PROGRAM LATIHAN 2020

2020 Training Programme

Kategori <i>Category</i>	Dalam Negeri <i>Local</i>	Luar Negeri <i>International</i>
Kursus/Lawatan Belajar <i>Courses/Study Tour</i>	29	0
Seminar/Bengkel/Makmal <i>Seminar/Workshop/Lab</i>	14	9
Persidangan/Konvensyen/Simposium/Kolokium <i>Conference/Convention/Symposium/Coloquium</i>	1	0
Dialog/Forum <i>Dialogue/Forum</i>	0	2
Ceramah/Syarahan Am/Taklimat <i>Talk/Speeches/Briefing</i>	3	0
Ekspedisi <i>Expedition</i>	1	0
Lain-lain <i>Others</i>	1	1
Jumlah / Total	49	12

Artikel

ARTICLES

Tumu Merah
Bruguiera gymnorhiza



PEMERKASAAN PENGUATKUASAAN HUTAN BERDASARKAN PERUNTUKAN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

Empowerment of Forest Enforcement based on the provisions of the National Forestry Act 1984

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) sentiasa komited terhadap aktiviti penguatkuasaan di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) bagi mencegah dan membendung jenayah alam sekitar. Hal ini adalah kerana kegiatan jenayah alam sekitar di dalam HSK boleh menjelaskan kepentingan biodiversiti, kualiti hutan, ketirisan hasil dan merosakkan alam sekitar. Aktiviti pemerkasaan penguatkuasaan hutan yang berintegriti telah diberi perhatian serius dalam tadbir urus hutan di Semenanjung Malaysia bagi memenuhi komitmen Negara di peringkat antarabangsa ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janerio pada tahun 1992 dengan mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan hutan daripada keluasan tanah negara. Maka, jenayah alam sekitar perlu dibanteras dengan sewajarnya bagi memastikan khazanah hutan terus terpelihara.

Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) is always committed towards enforcement activities in the Permanent Reserved Forest (PRF) to prevent and curb environmental crimes. This is because the criminal activities of the environment in PRF can adversely affect the importance of biodiversity, forest quality, revenue strides and damage to the environment. Forest enforcement empowerment activities with integrity were given serious attention in the governance of forests in Peninsular Malaysia to meet the Country's commitment internationally during the Earth Summit in Rio de Janerio in 1992 by preserving at least 50% of the forest area from the country's land area. Thus, environmental crimes need to be eradicated accordingly to ensure that forest treasures are preserved.



Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi dan Teknikal) menandatangani Prosedur Tetap Operasi (PTO) disaksikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM)

The Deputy Director General of Forestry (Operations and Technical) signed the Fixed Operating Procedures (FOP) witnessed by YBhg. Dato' Director-General of Forestry Peninsular Malaysia (DGFP)



Sesi Bergambar Selepas Majlis Menandatangani PTO bersama dengan Agensi/Jabatan bagi Komponen Darat

*Photo Session After the Signing Ceremony of FOP together with Agencies/Departments
for Land Components*

JPSM telah mengesyorkan agar pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dilaksanakan bagi memastikan kerangka perundangan perhutanan negara relevan seiring dengan perkembangan situasi semasa. Objektif pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) adalah mencakupi aspek-aspek Pencegahan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran, menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan-kawasan HSK demi pembangunan sektor perhutanan negara. Justeru itu, usaha bagi mencegah dan membanteras jenayah alam sekitar ini dapat dilaksanakan dengan lebih proaktif melalui pelaksanaan pindaan perundangan ini. Di samping itu juga, pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

FDPM has recommended that amendments to the National Forestry Act 1984 (Act 313) be implemented to ensure the national forestry legal framework is relevant and in line with current situation. The objectives of the amendment of the National Forestry Act 1984 (Act 313) include aspects of prevention of illegal forest harvesting, improving and strengthening the management of PRF areas for the development of the country's forestry sector. Therefore, efforts to prevent and eradicate environmental crimes can be carried out more proactively through the implementation of these legislative amendments. In addition, the implementation of forest conservation and preservation activities can be carried out better.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 54 operasi bersepadu telah berjaya dilaksanakan dengan 272 kes kesalahan direkod dan dibuat siasatan lanjut. Selain itu, sebanyak 31 kes pendakwaan telah berjaya diselesaikan. Langkah pencegahan dan operasi penguatkuasaan terus ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan jenayah hutan dapat ditangani dan dikekang dengan sewajarnya. Selain itu juga, pemerkasaan pengoperasian *War Room*@JPSM merupakan salah satu usaha yang dilakukan bagi memastikan kes-kes kesalahan hutan dapat dikesan lebih awal terutamanya yang melibatkan kawasan berisiko tinggi di dalam HSK yang mudah diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Isu keberkesanan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap kes kesalahan hutan sering diberi perhatian serius di peringkat pentadbiran jabatan mahupun kementerian. Senario kes kesalahan atau jenayah alam sekitar yang sering berlaku di negeri melibatkan kawasan HSK dan lokasi berisiko tinggi dilihat sebagai jenayah besar oleh sesetengah pihak. Ekoran itu, pihak tersebut akan membuat aduan mengenai sebarang kes kesalahan hutan berdasarkan perspektif mereka. Bagi menangani isu aduan awam yang kian meningkat, JPSM melalui Bahagian Penguatkuasaan Hutan (BPK) mendapatkan terdapat keperluan untuk menujuhkan pasukan risikan di jabatan. Pasukan risikan merupakan Pasukan Tugas Khas yang dikenali sebagai *Intelligence Enforce Team* (IET). Pasukan IET berperanan untuk mendapatkan maklumat awal kes kesalahan hutan yang berlaku melalui kaedah risikan. Pasukan ini dianggotai seramai 25 orang pegawai dan kakitangan penguatkuasaan terpilih di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN). Di samping itu juga, pasukan ini turut diberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam operasi dan perisikan.



Operasi membanteras tebangan haram dan kayu belah (tukar bentuk) di Hutan Simpan Piah di Daerah Kuala Kangsar, Perak

Operations to eradicate illegal cutting of woods (change of shape) in the Piah Forest Reserve in Kuala Kangsar District

Throughout 2020, a total of 54 integrated operations were successfully carried out with 272 cases of offences recorded and further investigations carried out. In addition, a total of 31 prosecution cases were successfully solved. Preventive measures and enforcement operations are continuously being stepped up from time to time to ensure that forest crime can be dealt with and constrained accordingly. In addition, the empowerment of the operation of War Room@FDPM is one of the efforts made to ensure that cases of forest offences can be detected early especially involving high risk areas in PRF which are easily breached by irresponsible parties.

The issue of effective monitoring and enforcement of forest offences cases is often given serious attention at the administration level of the department and ministry. Scenarios of cases of environmental offences or crimes that often occur in states involving PRF areas and high-risk locations are seen as major crimes by some. As a result, the party will lodge a complaint regarding any forest offences based on their perspective. In order to address the growing issue of public complaints, FDPM through the Forest Enforcement Division (FED) found that there was a need to set up an intelligence team in the department. The intelligence team is a Special Task Force known as the Intelligence Enforce Team (IET). The IET team is responsible for obtaining preliminary information on forest offences that occur through intelligence methods. The team consists of 25 selected enforcement officers and staffs at the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHQ) and State Forestry Department (SFD). In addition, the team was also given training to improve skills in operations and intelligence.




Operasi memusnahkan ladang ternakan di Hutan Simpan Bukit Cherakah, Negeri Selangor

Operation to destroy livestock farms in Bukit Cherakah Forest Reserve, Selangor

Unit Integriti Perhutanan (UIP) berperanan untuk memantau dan mengawal sebarang tindakan yang menyalahi integriti dalam konteks penguatkuasaan di samping menambah baik perkhidmatan pelanggan melalui kes aduan awam. Kes aduan awam dan kes kesalahan hutan yang kian meningkat telah memberi kesan terhadap isu-isu integriti perhutanan. Lanjutan itu kerjasama rapat antara BPK dan UIP merupakan langkah awal pencegahan untuk menepis tohmahan dan berita palsu berkenaan dengan isu pencerobohan hutan secara berintegriti bagi menjaga nama baik jabatan.

The Forestry Integrity Unit (FIU) plays a role in monitoring and controlling any actions that violate integrity in the context of enforcement as well as to improve customer service through public complaints cases. Public complaints and escalating cases of forest offences have had an impact on forestry integrity issues. Furthermore, the close cooperation between FED and FIU is an early preventive measure to eradicate slander and false news regarding the issue of forest encroachment with integrity in order to safeguard the good name of the department.





Modus Operandi pengambilan kayu tanpa kebenaran menggunakan kenderaan yang telah diubahsuai
Modus Operandi illegally picks up wood using modified vehicles

Operasi memusnahkan pokok ketum di Hutan Simpan Chebar Kechil, Negeri Kedah
Operation to destroy ketum trees in Chebar Kechil Forest Reserve, Kedah



Operasi membanteras transit dengan hasil hutan tanpa cukai di Negeri Kelantan
Operations to eradicate transit with tax-free forest revenue in Kelantan

BPK komited untuk melaksanakan usaha-usaha memperkasa dan memperkuatkukan aktiviti penguatkuasaan seiring dengan kemajuan teknologi melalui pemantauan dan pengesanan awal aktiviti pencerobohan secara atas talian melalui aplikasi E-Geospatial Perhutanan (E-GP), *Forest Monitoring Remote Sensing* (FMRS), Planet.com dan *Global Forest Watch* (GFW). Aplikasi ini dapat membantu pihak jabatan untuk mengesan perubahan atau pembukaan kawasan yang berlaku dalam HSK. Seterusnya aktiviti pemantauan di lapangan akan dilaksanakan melalui perbincangan dan perancangan bersama JPN sebelum tinjauan ke lokasi tersebut bagi tujuan pengesahan lanjut.

Aktiviti semakan di lapangan akan disertai oleh *Quick and Respond Team* (QR) yang mana ianya berperanan sebagai satu pasukan pemerhati yang mengutamakan konteks integriti dalam semua aspek, jika ianya melibatkan aduan kes kesalahan hutan. Pasukan ini juga dikenali sebagai *JPSM Elit Team* (JET) dan ahli pasukan tersebut adalah terdiri daripada pegawai dan kakitangan UIP dan BPK. Pasukan ini digerakkan berdasarkan kes kesalahan yang diterima dan tahap tindakan susulan yang diperlukan dalam menangani isu kes kesalahan hutan yang melibatkan pencerobohan dan penerokaan haram di dalam HSK.

FED is committed to implement enforcement efforts in line with technological advancements through the early monitoring and early detection of intrusion activities online through Forestry E-Geospatial (E-GF) applications, Forest Monitoring Remote Sensing (FMRS), Planet.com and Global Forest Watch (GFW). This application can help the department to detect changes or opening of areas occurring in PRF. Furthermore, field monitoring activities will be carried out through discussions and planning with SFD before surveying the location for further verification purposes.

On-field review activities will be participated by Quick and Respond Team (QR), which serves as a team of observers who prioritise the context of integrity in all aspects, if it involves complaints of forest offences. The team is also known as FDPM Elite Team (FET) and the members of the team consist of FIU and FED officers and staffs. The team was mobilised based on the cases of offences received and the level of follow-up action required to address the issue of forest offences involving illegal encroachment and exploration within the PRF.

Pelaksanaan operasi penguatkuasaan secara bersepada yang melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan terus dipertingkatkan di peringkat JPSM mahupun bersama agensi penguatkuasaan lain. Penglibatan JPSM dalam operasi bersepada yang dilaksanakan bersama agensi penguatkuasaan lain terus diperkasa antaranya ialah Operasi Bersepada Khazanah (OBK). OBK merupakan satu inisiatif untuk membanteras sebarang bentuk jenayah alam sekitar di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Selain itu juga, ianya melibatkan penyertaan daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, JPSM, JPN, Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dan pelbagai penyertaan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pelaksanaan operasi penguatkuasaan secara bersepada merupakan tindakan proaktif daripada semua pihak dalam menangani jenayah alam sekitar.

The implementation of integrated enforcement operations involving various enforcement agencies continued to be enhanced at FDPM levels as well as with other enforcement agencies. The involvement of FDPM in integrated operations carried out with other enforcement agencies is further strengthened, including Khazanah Integrated Operations (KIO). KIO is an initiative to combat any form of environmental crime under the Ministry of Home Affairs (MOHA) in collaboration with the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA) and the Royal Malaysian Police (PDRM). In addition, it also involves participation from the Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN) Peninsular Malaysia, FDPM, SFD, Perak State Parks Corporation (PSPC), Johor National Parks Corporation (JNPC) and various non-governmental organisations (NGOs). The implementation of integrated enforcement operations is a proactive action by all parties in tackling environmental crime.



Pusat Pemantauan Sumber Hutan War Room@JPSM
Forest Resource Monitoring Center War Room@FDPM

Penyertaan operasi bersepadu yang lain adalah Operasi Benteng atau dikenali sebagai Op Benteng. JPSM telah disenaraikan antara 19 agensi penguatkuasaan di Malaysia yang melaksanakan Op Benteng bagi Komponen Darat melalui *National Task Force* (NTF). NTF memainkan peranan penting dalam memerangi pencerobohan pendatang asing tanpa izin (PATI) sehingga ke akar umbi seterusnya memperkasa kawalan sempadan negara terutamanya dalam pengawalan penularan wabak pandemik Covid-19 termasuk yang melibatkan jenayah alam sekitar. Sebagai penyelaras bagi pelaksanaan operasi tersebut, Perintah Tetap Operasi Benteng (PTO) Komponen Darat Barat telah disediakan sebagai garis panduan ke arah meningkatkan lagi keberkesanan Jabatan/Agenzi yang terlibat dalam pelaksanaan operasi bersepadu supaya dapat melaksanakan tugas secara bersepadu, tersusun dan mampu mencapai impak yang berkesan. Bersempena dengan itu, majlis bagi menandatangani PTO telah diadakan pada 14 Disember 2020 bertempat di Dewan Perwira, *National Task Force* (NTF). Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi dan turut dihadiri oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador dan Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) iaitu Laksamana Maritim Dato' Mohd Zubil Mat Som. Penglibatan JPSM dalam Op Benteng tersebut, merupakan serampang dua mata untuk mengekang jenayah alam sekitar di kawasan HSK yang bersempadan dengan negara jiran dan memastikan keselamatan sempadan negara.

Pelaksanaan-pelaksanaan operasi penguatkuasaan yang lebih giat akan membantu pencegahan jenayah hutan secara terkawal di semua peringkat penglibatan. Komitmen dan sokongan daripada semua pihak terutamanya pengurusan atasan di negeri dalam membanteras jenayah hutan ini amat penting bagi memastikan ketirisan hasil hutan serta tohmahan masyarakat terhadap integriti sektor perhutanan dapat ditangani dengan lebih progresif. Perancangan dan pelaksanaan bagi memperkasakan lagi penguatkuasaan hutan di Semenanjung Malaysia ini sangat penting sebagai langkah yang berkesan dalam menangani isu yang berbangkit dan mempertingkatkan nilai integriti warga perhutanan dalam pengurusan serta pengoperasian hutan dengan lebih holistik di Semenanjung Malaysia.

The other integrated operations participation is Operation Benteng or known as Op Benteng. FDPM is listed among the 19 enforcement agencies in Malaysia that implement Op Benteng for The Land Components through the National Task Force (NTF). The NTF plays an important role in combating the intrusion of illegal immigrants (PATI) up to the grassroots thereby strengthening national border controls especially in the control of the Covid-19 pandemic including those involving environmental crimes. As the coordinator for the implementation of the operations, the Fixed Orders for Benteng Operations (PTO) of the Western Land Components have been prepared as a guideline towards enhancing the effectiveness of departments/agencies involved in the implementation of integrated operations in order to carry out tasks in an integrated, structured and effective manner. In conjunction with the signing ceremony, the signing ceremony was held on 14 December 2020 at dewan Perwira, National Task Force (NTF). The ceremony was officiated by The Chief of Malaysian Armed Forces (ATM), General Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi and also attended by the Inspector-General of Police, Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Bador and Director General of the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Laksamana Maritim Dato' Mohd Zubil Mat Som. FDPM's involvement in Op Benteng has two simultaneous benefits to curb environmental crimes in the PRF area which borders the neighboring country and ensure the security of the country's borders.

Implementation of more enforcement operation will help in the prevention of forest crime in a controlled at all levels of involvement. The commitment and support from all parties, especially the top management in the state in combating forest crime, is crucial in ensuring that the concerns of forest products and the community's emphasis on the integrity of the forestry sector can be handled more progressively. The planning and implementation to strengthen forest enforcement in Peninsular Malaysia is of paramount importance as an effective measure in addressing issues that arise and enhance the value of integrity of forestry citizens in the management and operation of forests more holistically in Peninsular Malaysia.

Program **MALIM GUNUNG PERHUTANAN** JABATAN PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA

*Forestry Malim Gunung Programme
Forestry Department Peninsular
Malaysia*

Di Malaysia, direkodkan lebih kurang 234 buah gunung. Manakala bagi kawasan yang mempunyai ketinggian yang lebih rendah ianya dikategorikan sebagai Hutan Gunung. Hutan Gunung didefinisikan sebagai kawasan yang mempunyai 1,500 kaki atau 457.2 meter. Berdasarkan landskap alam semula jadi dengan pelbagai sumber yang ada di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK), aktiviti pendakian bukit dan gunung di Semenanjung Malaysia menjadi semakin popular (*trend*) dan mendapat permintaan yang tinggi. Pelancongan kembaraan menjadi aktiviti tumpuan utama seperti aktiviti pendakian bukit, pendakian gunung, menerokai gua, aktiviti tali aras tinggi dan berbasikal lasak.

Selaras dengan pelaksanaan pelancongan kembaraan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi melihat dengan lebih mendalam berkaitan dengan aspek-aspek kesihatan dan keselamatan pengunjung bagi mengekang berlakunya kes-kes kemalangan di Taman Eko Rimba dan Hutan Taman Negeri seperti orang hilang, kecederaan semasa menjalankan aktiviti pendakian dan sesat atau tersasar daripada laluan denai pendakian. Sebagai langkah yang proaktif dalam menangani isu tersebut, Program Malim Gunung Perhutanan (MGP) telah diperkenalkan.



In Malaysia, there were about 234 mountains recorded. Meanwhile, for areas with lower elevations, they are categorized as Mountain Forest. Mountain Forest is defined as an area that has 1,500 feet or 457.2 meters. Given the natural landscape with the various resources available in the Permanent Reserved Forest (PRF), the hill and mountain climbing activities in Peninsular Malaysia are become more popular (trends) and are in high demand. Adventure Tourism has become the main focus of activities such as hiking, mountain climbing, cave exploration, high-level rope activities and extreme cycling.

In line with the implementation of Adventure Tourism, the Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) has taken the initiative to cooperate with the Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM) to look deeply into the health and safety aspects of visitors to prevent accidents occurring in Forest Eco Park and Forest State Park such as missing persons, injuries while climbing and straying or straying from climbing trails. As a proactive measure to address the issue, the Forestry Malim Gunung Programme (MGP) was introduced.

Program MGP merupakan program yang julung kalinya dilaksanakan oleh JPSM dengan melibatkan individu atau pihak yang mempunyai kelayakan dan berpengalaman sebagai Malim Gunung. Selain itu, ianya juga dapat membantu JPSM dalam menguruskan kawasan pendakian dengan lebih baik serta pentadbiran aktiviti pendakian dalam HSK akan lebih seragam dan teratur secara tidak langsung merancakkan pelancongan kembaraan di Semenanjung Malaysia. MGP merupakan seorang jurupandu arah pendakian terdiri daripada penduduk tempatan yang telah hadir dengan jayanya ke Kursus Malim Gunung Perhutanan dan ditauliahkan sebagai Malim Gunung Jabatan (MGJ). Peserta yang ditauliahkan akan didaftarkan dengan nombor kod pendaftaran mengikut negeri berdasarkan syarat-syarat dan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

Peranan Malim Gunung Perhutanan adalah membantu JPN dalam pengurusan dan pelaksanaan aktiviti pendakian dalam HSK dengan lebih teratur dan mengutamakan aspek keselamatan. MGP ini juga boleh menjadi mata dan telinga kepada JPN dalam menyalurkan maklumat terhadap kesalahan hutan merujuk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 atau mana-mana undang-undang lain yang berkaitan. Pada masa yang sama MGP dapat membantu JPN memantau laluan pendakian secara berterusan dan kos penyelenggaraan yang lebih menjimatkan dengan adanya kerjasama di antara JPN dan masyarakat setempat yang berdaftar sebagai Malim Gunung Perhutanan.

Dalam melaksanakan Kursus Malim Gunung Perhutanan, modul latihan dikendalikan sepenuhnya oleh pihak yang mempunyai autoriti terdiri daripada pegawai JPSM, JBPM dan beberapa agensi lain yang terlibat yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Program perintis Kursus Malim Gunung Perhutanan telah diadakan di negeri Johor pada 27 September 2020 hingga 1 Oktober 2020 melibatkan seramai 60 orang peserta. Kumpulan MGP pertama ini telah ditauliahkan sebagai Malim Gunung Perhutanan oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM). Seseorang yang telah berdaftar atau ditauliahkan sebagai MGP akan mendapat sijil, transkrip latihan serta kad pengenalan MGP yang sah dalam tempoh dua (2) tahun dan perlu diperbaharui melalui JPN. Untuk tujuan tersebut, JPN berhak untuk mengenakan bayaran mengikut kadar-kadar yang ditetapkan oleh negeri. MGP juga akan dibekalkan dengan buku log bagi merekod sebarang program yang disertai di dalam HSK sepanjang tahun bagi tujuan permohonan memperbaharui kad pengenalan MGP.

The MGP programme is the first programme to be implemented by FDPM involving individuals or parties with qualifications and experience as Malim Gunung. Besides that, it will also help FDPM in managing the climbing area better as well as the administration of the climbing activities in PRF will be more uniform and organized indirectly to boost adventure tourism in Peninsular Malaysia. MGP is a guide for the climbing course comprising local residents who attended the Malim Gunung Forestry Course and was commissioned as Malim Gunung Jabatan (MGJ). The accredited participants will be registered with the registration code number according to the state based on the conditions and criteria set by the State Forestry Department (SFD).

The role of Malim Gunung is to assist SFD in the management and implementation of climbing activities in PRF in a more orderly manner and prioritizes the safety aspect. The MGP can also be the eyes and ears of SFD in disseminating information on forest offences in reference to the National Forestry Act 1984 or any other relevant laws. At the same time, MGP can assist SFD in continuously monitoring the climbing routes and cost of maintaining more economics with the cooperation between SFD and local community registered as Forestry Malim Gunung.

In implementing the Forestry Malim Gunung Course, the training modules are fully managed by authorities comprising of FDPM, JBPM and other agencies involved who have expertise in their respective fields. The pioneer programme for the Forestry Malim Gunung Course was held in the state of Johor from 27th September 2020 to 1st October 2020 involving 60 participants. The first MGP Group was commissioned as a Malim Gunung Forestry by the Director General of Forestry Peninsular Malaysia (DGPFM). A person who has registered or certified as an MGP will get a valid certificate, training transcript and MGP identity card within two (2) years and must be renewed through SFD. For this purpose, SFD reserves the right to charge according to the rates set by the state. MGP will also be provided with a logbook to record any programmes participated in the PRF throughout the year for the purpose of renewing the MGP identity card.

Melalui JPSM, usaha mendaftarkan MGP yang juga merupakan salah satu komitmen Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) untuk menyediakan latihan yang seragam kepada MGP sebelum layak ditauliahkan sebagai MGJ yang beroperasi di dalam HSK. KPPSM telah mencadangkan perkhidmatan MGP dilaksanakan di JPN mulai tahun 2021. Walaubagaimanapun, ianya akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2022. Pentaulahan MGP akan dapat membantu JPSM dan JPN merangka strategi dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelawat selain dapat meningkatkan imej JPSM dalam sektor ekopelancongan perhutanan. Cabaran mendaftarkan MGP memerlukan komitmen tinggi daripada JPSM dan kejayaan melaksanakan kursus MGP memerlukan komitmen dan sokongan penuh JPN.

Through FDPM, the effort to register the MGP is also one of the commitments of the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA) to provide uniform training to the MGP before qualifying as MGJ operating within the PRF. The MGP has proposed to be implemented in SFD starting 2021. However, it will be fully implemented by 2022. The MGP accreditation will help FDPM and SFD to formulate strategies in providing quality services to visitors besides enhancing the image of FDPM in the forestry ecotourism sector. The challenge of registering MGP requires high commitment from FDPM and the successful implementation of the MGP course requires the full commitment and support of SFD.



Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang Kursus Malim Gunung Perhutanan yang diadakan pada 27 September hingga 1 Oktober 2020 di negeri Johor yang disertai seramai 60 orang peserta
The activities carried out during the Malim Gunung Forestry Course which was held from 27th September to 1st October 2020 in Johor which was participated by 60 participants

Sambutan HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020

The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem 2020

Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 telah diadakan pada 26 Julai 2020 bertempat di Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak. Bertemakan “Hutan dan Biodiversiti: Khazanah Yang Tidak Ternilai”, sambutan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat (YB) Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Sambutan tersebut turut dihadiri oleh Yang Berbahagia (YBhg.) Datuk Zurinah binti Awang Teh, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), YBhg. Dato’ Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato’ Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Pegawai dan

The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem 2020 was held on 26th July 2020 at the Matang Mangrove Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak. Themed “Forests and Biodiversity: The Invaluable Treasure”, the celebration was officiated by the Honourable Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Minister of Energy and Natural Resources. The celebration was also attended by Yang Berbahagia (YBhg.) Datuk Zurinah binti Awang Teh, Secretary General of the Ministry of Energy and Natural Resources (KeTSA), YBhg. Dato’ Mohd Ridza bin Awang, Director General of Forestry Peninsular Malaysia, YBhg. Dato’ Mohamed Zin bin Yusop, Perak State Director of Forestry, Officers and staff of the Forestry Department Peninsular Malaysia



YB Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Menteri Tenaga dan Sumber Asli merasmikan gimmik pelancaran Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 pada 26 Julai 2020 di Pusat Eko Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak

YB Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Hj. Nasarah, Minister of Energy and Natural Resources officiated the launching gimmick during The National Celebration of International Day for the Conservation of the Mangrove Ecosystem 2020 on 26th July 2020 at the Matang Mangrove Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak.



Penerima Anugerah *Role Model* Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) daripada
Global Environment Centre (GEC)
Recipients of the Role Model Award of Non-Government Bodies (NGOs) from the
Global Environment Centre (GEC)

kakitangan dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak, wakil-wakil daripada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) serta wakil komuniti setempat.

(FDPM) and the Perak Forestry Department, representatives from non-governmental organizations (NGOs) and local community representatives.

Sambutan pada kali ini agak berbeza, memandangkan seluruh negara sedang menghadapi penularan wabak pandemik Novel Coronavirus (Covid-19). Sambutan dilaksanakan dengan mematuhi beberapa Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan seperti penjarakkan fizikal, pemakaian pelitup muka, merekodkan suhu badan dan sebagainya. Hanya seramai 250 orang peserta sahaja dibenarkan berkumpul pada satu masa dengan mematuhi SOP penjarakkan fizikal yang telah ditetapkan. Selain itu, pameran oleh 12 NGO dan beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan yang merupakan salah satu acara utama dalam menghubungkan antara rakyat dan Kerajaan tidak dapat diadakan pada sambutan kali ini.

The celebration this time is quite different, as the whole country is facing the outbreak of the Novel Coronavirus (Covid-19) pandemic. The celebration was carried out in compliance with several Standard Operating Procedures (SOPs) that have been set such as physical distancing, the wearing of face masks, recording body temperature and so on. Only 250 participants were allowed to gather at one time in compliance with the designated physical distancing SOP. Besides that, an exhibition by 12 NGOs and several government departments/agencies which was one of the main events in connecting the people and the government could not be held this time.

Walau bagaimanapun, JPSM telah berjaya mencipta sejarah di mana dua acara besar telah diadakan iaitu Penyampaian Sijil Penghargaan dan Anugerah *Role Model* NGO kepada NGO di bawah Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara oleh KeTSA serta Pelancaran Buku "Flora Mercu Tanda Negeri-Negeri di Malaysia" yang diterbitkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di mana salah seorang penulisnya adalah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang.

Nevertheless, FDPM has made history where two major events were held namely the presentation of NGOs' Certificate of Appreciation and Role Model Award to NGOs under the Mangrove Tree Planting Programme and Suitable Species in the Coastal Areas of Malaysia by KeTSA and the launching of the "Flora of State Landmarks in Malaysia" book published by Forest Research Institute Malaysia (FRIM), one of whose authors is the Director General of Forestry Peninsular Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang.

PEMANTAPAN MODAL INSAN KE ARAH PELAKSANAAN INVENTORI HUTAN NASIONAL KE ENAM (IHN-6)

Strengthening the Human Capital Towards the Implementation of the 6th National Forest Inventory (NFI-6)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam mengemaskini maklumat sumber hutan di Semenanjung Malaysia melalui pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif yang telah dilaksanakan setiap 10 tahun melalui projek Inventori Hutan Nasional (IHN) semenjak tahun 1970. IHN Pertama (IHN-1) telah dilaksanakan pada tahun 1970 hingga 1972 dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP) dan *Food and Agriculture Organisation of the United Nations* (FAO). IHN Ke Dua (IHN-2) pula telah dilaksanakan pada tahun 1981 hingga 1982 manakala IHN Ke Tiga (IHN-3) pula telah dilaksanakan pada tahun 1991 hingga 1993 dengan kerjasama FAO. Seterusnya IHN Ke Empat (IHN-4) telah dilaksanakan pada tahun 2002 hingga 2004 dengan input teknikal menerusi projek *Malaysia-German Sustainable Forest Management*. IHN Ke Lima (IHN-5) telah dilaksanakan sepenuhnya oleh JPSM pada tahun 2010 hingga 2013. Susulan daripada lima (5) siri IHN terdahulu, IHN Ke Enam (IHN-6) juga akan dilaksanakan sepenuhnya oleh JPSM pada tahun 2020 hingga 2024.

Perancangan bagi pelaksanaan IHN-6 ini telah bermula pada awal tahun 2019. Satu Sesi Konsultasi dan Lab Pengukuhan IHN Ke Enam (IHN-6) telah diadakan pada 1 hingga 5 April 2019 di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor. Program ini bertujuan untuk membincangkan halatuju dan pendekatan pelaksanaan IHN-6 serta mendapatkan maklumbalas daripada pelbagai agensi dan jabatan terhadap kaedah inventori yang sesuai dari segi rekabentuk, kepadatan, populasi dan data asas lain yang diperlukan.

Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) is responsible for updating forest resource information in Peninsular Malaysia through the collection of quantitative and qualitative data that has been implemented every 10 years through the National Forest Inventory (NFI) project since 1970. The First NFI (NFI-1) was implemented from 1970 to 1972 in collaboration with the United Nations Development Programme (UNDP) and the Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO). The Second NFI (NFI-2) was implemented from 1981 to 1982 while the Third NFI (NFI-3) was implemented from 1991 to 1993 in collaboration with FAO. The Fourth NFI (NFI-4) was subsequently implemented from 2002 to 2004 with technical input through the Malaysia-German Sustainable Forest Management project. NFI 5th NFI (NFI-5) was fully implemented by FDPM from 2010 to 2013. Following the previous five (5) NFI series, the Sixth NFI (NFI-6) will also be fully implemented by FDPM from 2020 to 2024.

Planning for the implementation of NFI-6 has begun in early 2019. A Consultation Session and The Sixth NFI Strengthening Lab (NFI-6) was held from 1st to 5th April 2019 at the Forestry Training Division, Kepong, Selangor. This programme aims to discuss the direction and approach of implementation of NFI-6 as well as to obtain feedback from various agencies and departments on suitable inventory methods in terms of design, density, population and other basic data required.



Ucapan perasmian oleh YBhg. Dato' KPPSM semasa Sesi Konsultasi dan Lab Pengukuhan IHN Ke Enam (IHN-6) yang diadakan pada 1 hingga 5 April 2019.

Opening speech by YBhg. Dato' DGFP during the Sixth NFI Consultation and Lab Review Session (NFI-6) held from 1st to 5th April 2019.



Sesi bergambar para peserta bersama-sama YBhg. Dato' KPPSM.

Photo Session of the participants together with YBhg. Dato' DGFP.



Sesi soal jawab turut dijalankan sepanjang Sesi Konsultasi dan Lab Pengukuhan IHN Ke Enam (IHN-6).

The Q&A session was also conducted throughout the Consultation Session and the Sixth NFI Strengthening Lab (NFI-6).



Para peserta yang hadir semasa Sesi Konsultasi dan Lab Pengukuhan IHN Ke Enam (IHN-6) di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor. *The participants attended the Consultation Session and The Sixth NFI Strengthening Lab (NFI-6) at the Forestry Training Division, Kepong, Selangor.*

Seramai 50 orang peserta telah menghadiri sesi konsultasi ini yang terdiri daripada kakitangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM), Jabatan Perhutanan Negeri (JPN), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Hutan Sabah, Jabatan Hutan Sarawak, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). Lab pengukuhan IHN-6 ini diteruskan untuk tiga hari berikutnya melibatkan seramai 44 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan IPJPSM dan JPN. Objektif lab pengukuhan ini adalah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman peserta berkenaan prosedur keseluruhan pelaksanaan IHN-6 dan kaedah penganalisaan data IHN-6 serta meneliti dan memperhalusi konsep dan format pelaporan IHN-6. Satu sesi penutup dan rumusan keseluruhan sesi konsultasi lab telah diadakan dan beberapa perkara berbangkit telah dibincangkan untuk penambahbaikan IHN-6 yang akan diadakan pada tahun 2020 kelak.

Pelaksanaan IHN-6 diteruskan dengan mengadakan Kursus IHN ke-6 Siri I yang telah diadakan pada 15 hingga 19 Julai 2019 di Kompleks Latihan Perhutanan Sg. Siput, Perak yang disertai seramai 42 orang yang terdiri daripada kakitangan Gred G29 dan ke bawah dari lapan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) iaitu JPN Johor, JPN Selangor, JPN Melaka, JPN Negeri Sembilan, JPN Kedah, JPN Perak, JPN Pulau Pinang dan JPN Perlis. Kursus ini telah disampaikan oleh pegawai-pegawai di Seksyen Perancangan dan Penilaian Sumber Hutan dan jemputan dua orang penceramah luar dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) iaitu Encik Sabarudin bin Mohd dan Encik Ahmad Shazli bin Zaindy.



Sesi bergambar peserta Kursus Inventori Hutan Nasional (IHN-6) Siri I
Photo session of participants of National Forest Inventory Course (NFI-6)

A total of 50 participants attended the consultation session which consisted of staff from the Forestry Department Peninsular Malaysia Headquarters (FDPMHq), State Forestry Department (SFD), Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Sabah Forest Department, Sarawak Forest Department, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Remote Sensing Agency Malaysia (ARSM). The NFI-6 strengthening lab continued for the next three days involving 44 participants comprising of FDPMHq and SFD staff. The objective of this strengthening lab is to strengthen the participants' knowledge and understanding on the overall procedures of implementation of NFI-6 and NFI-6 data analysis methods as well as to review and refine the concepts and formats of reporting NFI-6. A closing session and a summary of the entire lab consultation session was held and several matters arising were discussed for the improvement of NFI-6 to be held in 2020.

The implementation of NFI-6 continued with the 6th NFI Series I Course which was held from 15 to 19 July 2019 at the Sg. Siput Forestry Training Complex, Perak which was attended by 42 people comprising staff of Grade G29 and below from eight State Forestry Departments (SFD) namely Johor SFD, Selangor SFD, Melaka SFD, Negeri Sembilan SFD, Kedah SFD, Perak SFD, Penang SFD and Perlis SFD. The course was presented by officers in the Forest Resource Planning and Evaluation Section and an invitation from two speakers from the Fire and Rescue Department of Malaysia (JBPM), Encik Sabarudin bin Mohd and Encik Ahmad Shazli bin Zaindy.



Sesi latihan kecemasan yang dijalankan oleh pihak JBPM
Emergency training sessions conducted by fire brigade (JBPM)



Sesi pengenalan alatan Relaskop
Relaskop Tool Introduction session



Sesi pengenalan alatan Caliper
Caliper Tool introduction session

*Nota: Gambar diambil pada tahun 2019
*Note: Photo taken in year 2019

Kursus Inventori Hutan Nasional (IHN-6) Siri II pula telah diadakan pada 22 hingga 26 September 2019 di Pusat Latihan Perhutanan Negeri Kelantan yang dihadiri oleh 31 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Gred G29 dan ke bawah dari tiga Jabatan Perhutanan Negeri iaitu JPN Terengganu, JPN Kelantan dan JPN Pahang. Kursus ini telah disampaikan oleh dua orang penceramah Jabatan iaitu Encik Salleh bin Endut dan Encik A Razak bin Husdain serta jemputan dua orang penceramah luar dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) iaitu Encik Mokhtar bin Che Mah dan Encik Che Mazlan bin Mohamed.

The National Forest Inventory Course (NFI-6) Series II was held from 22 to 26 September 2019 at the Kelantan Forestry Training Centre attended by 31 participants comprising staff of Grade G29 and below from three State Forestry Departments namely Terengganu SFD, Kelantan SFD and Pahang SFD. The course was presented by two speakers from the Department, Encik Salleh bin Endut and Encik A Razak bin Husdain as well as an invitation from two other speakers from jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) namely Mr. Mokhtar bin Che Mah and Encik Che Mazlan bin Mohamed.



Sesi bergambar peserta kursus yang diadakan di Pusat Latihan Perhutanan Negeri Kelantan
Photo Session of the course participants held at the Kelantan Forestry Training Centre



Sesi pengenalan sedang dijalankan
An introduction session is in progress




Ujian pengecaman daun sedang dijalankan
Leaf recognition test is in progress



Amali di lapangan
Field practical

Reka bentuk inventori yang digunakan bagi IHN-6 dicadangkan sama seperti reka bentuk IHN-5 berserta penambahan bagi membolehkan perbandingan data antara IHN sebelumnya dengan IHN-6 dapat dibuat. Reka bentuk inventori ini adalah berkonseptan *stratified random sampling* di mana taburan setiap Unit Persampelan (UP) bagi setiap strata adalah dibuat secara rawak. Secara keseluruhannya, 659 UP perlu diinventori berdasarkan pengiraan nilai kebarangkalian pada tahap 90% dan ralat yang diterima adalah 20%. Sejumlah 18 strata telah ditetapkan dengan meliputi semua jenis hutan darat dan hutan paya gambut yang meliputi kawasan pengusahaan dan hutan perlindungan. Sebanyak 142 UP *Continuous Forest Inventory* (CFI) daripada IHN-4 dan IHN-5 juga digunakan sebagai sebahagian dari jumlah keseluruhan UP IHN-6.

